

SOALAN NO: 209

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH :
SOALAN : 209

YB Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kadar terbaru (peratus penghidap bagi rakyat Malaysia) untuk penyakit-penyakit berikut iaitu kencing manis jenis kedua, darah tinggi dan sakit jantung koronari.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu (1) soalan yang lain yang menyentuh perkara yang sama iaitu pertanyaan daripada:

Dr. Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik penduduk Malaysia yang menghidap penyakit tiga serangkai iaitu jantung, diabetes dan darah tinggi bagi tempoh 2013 sehingga 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Data statistik yang terkini adalah berdasarkan laporan Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi Kebangsaan 2015, bilangan pesakit kronik adalah seperti berikut; 17.5% (3.3 juta) mengidap Diabetes, 30.3% (6.1 juta) mengidap Hipertensi dan 47.7% (9.6 juta) menghidap Hipercolesterolemia. Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi Kebangsaan ini dilakukan setiap 4 tahun sekali.